

# PERTANDINGAN VIDEO KREATIF KESIHATAN REMAJA 2016

**(WARGANEGARA MALAYSIA BERUMUR 13-24 TAHUN)**

**Nama Penuh** : ______________________________

(mengikut kad pengenalan)

(Bagi penyertaan secara berkumpulan, sila isikan butiran ahli di Lampiran A)

**Kategori Pertandingan** Kategori I (13-15 tahun) ☐ Kategori II (16-18 tahun) ☐ Kategori III (19-24 tahun) ☐

(tandakan √ pada kotak yang berkenaan)

**No. Kad Pengenalan** : ______________________ **Umur** : ____________

**Jantina** : **Lelaki** ☐ **Perempuan** ☐

**Alamat Surat-menyurat** : ______________________________

______________________________

______________________________

**Nombor Telefon** : ______________________________

**Alamat Emel** : ______________________________

**Perakuan** : **Dengan ini, saya/kami mengesahkan bahawa penyertaan yang disertakan ini adalah hasil karya asal saya/kami. Saya/kami bersetuju dengan semua syarat-syarat pertandingan ini.**

**Tandatangan** : ______________________ **Tarikh** : ____________

## Untuk Kegunaan Pejabat

**Dokumen Penyertaan** : **Lengkap** ☐ **Tidak Lengkap** ☐

**Penerimaan** : **Tarikh** ☐ **Masa** ☐

**No. Daftar Peserta** : **Kategori I** ☐ **Kategori II** ☐ **Kategori III** ☐

**Nama Penerima** : ______________________________

**Tandatangan** : ______________________ **Tarikh** : ____________

**Nota: Borang yang tidak ditandatangani oleh peserta dikira tidak layak menyertai pertandingan ini.**

**LAMPIRAN A**



# PERTANDINGAN VIDEO KREATIF KESIHATAN REMAJA 2016

(WARGANEGARA MALAYSIA BERUMUR 18-30 TAHUN)

## SENARAI NAMA AHLI KUMPULAN

**Nama Ahli (1)** : ____________________

(mengikut kad pengenalan)

**No. Kad Pengenalan** : ____________________ **Umur** : __________

**Perhubungan** : **No. Telefon** ____________________ **Emel** : __________

**Nama Ahli (2)** ____________________

(mengikut kad pengenalan)

**No. Kad Pengenalan** : ____________________ **Umur** : __________

**Perhubungan** : **No. Telefon** ____________________ **Emel** : __________

**Nama Ahli (3)** : ____________________

(mengikut kad pengenalan)

**No. Kad Pengenalan** : ____________________ **Umur** : __________

**Perhubungan** : **No. Telefon** ____________________ **Emel** : __________

**Nama Ahli (4)**

(mengikut kad pengenalan)

**No. Kad Pengenalan** : ____________________ **Umur** : __________

**Perhubungan** : **No. Telefon** ____________________ **Emel** : __________

**LAMPIRAN B**



# PERTANDINGAN VIDEO KREATIF KESIHATAN REMAJA 2016

**(WARGANEGARA MALAYSIA BERUMUR 18-30 TAHUN)**

## BORANG KEBENARAN IBU BAPA
## (BAGI PESERTA BERUMUR DI BAWAH 18 TAHUN)

**Saya ______________________________________ (Ibu / Bapa / Penjaga*)**

**No. Kad Pengenalan ____________________________________**

**membenarkan anak / anak jagaan saya ______________________________**

**No. Kad Pengenalan _____________________ untuk menyertai Pertandingan Video Kreatif Kesihatan Remaja 2016 anjuran bersama Kementerian Kesihatan Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.**

**Sekian, terima kasih.**

**Tandatangan : ____________________________**
**(Ibu Bapa / Penjaga)**

**Tarikh :**

***Potong mana yang tidak berkenaan.**

# TERMA DAN SYARAT
# PERTANDINGAN VIDEO KREATIF KESIHATAN REMAJA 2016

## A. MAKLUMAT PERTANDINGAN

1. Pertandingan Video Kreatif Kesihatan Remaja 2016 adalah anjuran bersama Kementerian Kesihatan Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

2. Tempoh pertandingan ini adalah selama **tiga (3) bulan bermula dari 1 Jun hingga 1 September 2016.**

3. Tema pertandingan adalah **'Memperkasakan Remaja Digital dengan Gaya Hidup Sihat (*'Empowering Digital Youth with Healthy Lifestyle')*.**

## B. Kelayakan Pertandingan

Pertandingan ini terbuka kepada warganegara Malaysia berumur 13 hingga 24 tahun mengikut kategori seperti berikut:

- **Kategori I (13 – 15 tahun)**
- **Kategori II (16 – 18 tahun)**
- **Kategori III (19 – 24 tahun)**

## C. Terma dan Syarat Pertandingan

1. Penyertaan adalah percuma.

2. Penyertaan adalah secara **individu atau berkumpulan**.

   Bagi penyertaan berkumpulan, setiap kumpulan hendaklah **tidak lebih dari 5 orang (termasuk ketua kumpulan)**. Borang ahli kumpulan seperti di **Lampiran A**.

3. Peserta boleh menghantar tiga (3) video yang berlainan. Walau bagaimanapun, setiap peserta hanya layak untuk menerima satu hadiah sahaja.

4. Peserta dan pelakon **di bawah umur 18 tahun** yang terlibat dalam penghasilan video perlu mengisi Borang Kebenaran Ibubapa/Penjaga **(Lampiran B)**.

5. Peserta hendaklah mengisi dengan lengkap Borang Penyertaan dan Borang Kebenaran Ibu Bapa / Penjaga (bagi yang berumur di bawah 18 tahun). Borang-borang ini boleh dimuat turun melalui laman sesawang www.infosihat.gov.my

6. Setiap produksi boleh melibatkan seberapa ramai pelakon.

7. Genre terbuka seperti animasi, drama, sketsa, komedi dan dokumentari.

8. Kos penyediaan video adalah ditanggung sepenuhnya oleh peserta.

9. Konsep video adalah berdasarkan tema '***Memperkasakan Remaja Digital dengan Gaya Hidup Sihat*** (***Empowering Digital Youth with Healthy Lifestyle)'.***

   Peserta hendaklah memilih **SATU TAJUK SAHAJA** bagi setiap penyertaan seperti berikut :

   **<u>Tajuk 1: Aktiviti Fizikal dan Pemakanan Sihat</u>**

   Contoh Isu:

   i) Aktiviti fizikal untuk mencapai berat badan yang ideal
   ii) Pemakanan seimbang untuk mencapai berat badan ideal
   iii) Mengurangkan pengambilan makanan segera (*fast food*)
   iv) Isu kekurangan berat badan, berlebihan berat badan atau obesiti
   v) Persepsi imej diri remaja
   vi) Isu pengambilan suplemen untuk kesihatan

   **<u>Tajuk 2: Kesihatan Seksual dan Reproduktif</u>**

   Contoh Isu:

   i) Bahaya seks bebas (kehamilan remaja, jangkitan penyakit kelamin, HIV/AIDS)
   ii) Bahaya pornografi
   iii) Siber seks
   iv) Menangani gangguan seksual dan rogol
   v) Kebersihan diri *(personal hygiene)*
   vi) Hubungan *(relationship)* selamat dan bertanggungjawab, dll
   vii) Kecelaruan gender

   **<u>Tajuk 3: Kesihatan Mental / Psikologi</u>**

   Contoh Isu:

   i) Memupuk keyakinan diri *(self-esteem)* dan kemahiran daya tindak *(coping skills)*
   ii) Menangani isu buli (fizikal & buli siber)
   iii) Menangani isu budaya media sosial (contoh: mencari perhatian dalam kalangan netizen/*attention seeking/over-sharing dll)*
   iv) Menangani stres, kerisauan, kemurungan dan bunuh diri
   v) Kemahiran komunikasi berkesan dan mendapatkan bantuan

**<u>Tajuk 4: Mencegah Tingkah Laku Berisiko</u>**

Contoh Isu:

i) Etika penggunaan internet / media sosial
ii) Ketagihan internet & gajet
iii) Penyalahgunaan substan (rokok, vape, alkohol, dadah dll)
iv) Keganasan & kecederaan (mengelak budaya merempit dan gengsterisma)
v) Penggunaan masa produktif (bersukan, beriadah, aktviti sukarelawan dll)
vi) Penggunaan media sosial secara tidak beretika (maklumat perubatan palsu, ketagihan internet)
vii) Memupuk jati diri dan resilien (matlamat hidup jelas, sikap asertif, kemahiran komunikasi dan kemahiran hidup)

10. Video yang dihasilkan **hendaklah meliputi aspek pencegahan, pengawalan, cara mendapatkan bantuan dan lain-lain dalam bentuk yang POSITIF dan KREATIF.**

11. Durasi iklan hendaklah **tidak melebihi 3 minit**. **Tempoh ini termasuk montaj dan kredit.**

12. Peserta boleh menggunakan **Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris**.

13. Hasil karya hendaklah sesuai untuk diterbit dan dipapar dalam segala bentuk media video. Format yang dibenarkan adalah **AVI, WMV, MOV, FLV & MP4.**

14. Resolusi minima video yang dihantar:

    - **Kategori I dan II adalah Video HD 720p (1280 x 720 *pixel resolution*)**

    - **Kategori III adalah Video Full HD 1080p (1920 x 1080 *pixel resolution*)**

15. **Peserta perlu memuat naik video yang ingin dipertandingkan di platform *Google Drive*.** Kongsikan pautan video *(link video)* tersebut ke alamat emel videokesihatanremaja2016@gmail.com

16. Peserta dikehendaki untuk menyediakan sinopsis/ringkasan isi kandungan video. **Sila gunakan jenis tulisan *(font) Arial*, saiz tulisan 11 dan *single spacing*.**

17. Sila pastikan **semua muzik yang digunakan berstatus bebas royalti. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab atas sebarang tuntutan akibat pelanggaran hasil hak cipta.**

18. Karya yang dihasilkan adalah manifestasi kreativiti peserta, mengandungi nilai-nilai murni dan **TIDAK BOLEH** mengandungi unsur-unsur yang menyentuh sensitiviti perkauman, kebudayaan, keagamaan dan tidak menghina mana-mana pemimpin dan individu.

19. Setiap penyertaan mestilah merupakan **kerja asal/asli dan tidak menceroboh mana-mana hak cipta orang lain.** Semua penyertaan **TIDAK BOLEH** dimuat naik ke mana-mana portal sebelum mendapat kebenaran penganjur.

20. Setiap hasil karya juga mestilah **TIDAK PERNAH** menyertai mana-mana pertandingan video peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

21. Penyertaan akan **dibatalkan** sekiranya didapati hasil karya yang dikemukakan **tidak asli/diciplak**.

22. Sebarang pelanggaran syarat-syarat di atas akan membatalkan penyertaan.

## D. Tuntutan Hak Cipta

1. Kementerian Kesihatan Malaysia berhak menggunakan karya penyertaan untuk promosi Program Perkhidmatan Kesihatan Remaja dan dalam semua bentuk promosi kesihatan yang lain.

2. Kementerian Kesihatan Malaysia berhak untuk membuat suntingan terhadap video penyertaan bagi tujuan pendidikan, penyiaran dan promosi kesihatan.

## E. Hadiah dan Keputusan Pertandingan

1. Tawaran hadiah bagi setiap kategori (Kategori I, II dan III) adalah seperti berikut:

   | | |
   |---|---|
   | Hadiah Tempat Pertama | : RM 5,000 dan sijil penyertaan |
   | Hadiah Tempat Kedua | : RM 3,000 dan sijil penyertaan |
   | Hadiah Tempat Ketiga | : RM 2,000 dan sijil penyertaan |

2. Setiap karya akan dinilai keaslian, isi kandungan, konsep dan kreativiti serta kualiti produksi oleh panel juri yang dilantik oleh pihak penganjur.

3. Pemenang akan dihubungi melalui pos, telefon dan emel.

4. Keputusan panel juri adalah **muktamad**. Sebarang rayuan dan bantahan tidak akan dipertimbangkan.

## F. Tempoh pertandingan

1. Tarikh tutup pertandingan adalah pada **1 September 2016 (Khamis) jam 12:00 tengah hari.**

2. Peserta dikehendaki menghantar melalui alamat emel videokesihatanremaja2016@gmail.com selewat-lewatnya pada **1 September 2016 (Khamis) sebelum jam 12:00 tengah hari** dengan memuatnaik perkara-perkara seperti berikut:

    2.1 **Borang Penyertaan Pertandingan Video Kreatif Kesihatan Remaja 2016 yang telah lengkap diisi (format PDF);**

    2.2 **Lampiran A - Penyertaan berkumpulan sahaja (Format PDF);**

    2.3 **Lampiran B – Borang Kebenaran Ibu Bapa bagi peserta dibawah umur 18 tahun (Format PDF);**

    2.4 **Sinopsis video**

    2.5 **Sertakan pautan video *(video link)* di alamat emel** videokesihatanremaja2016@gmail.com

3. Pihak penganjur berhak menolak penyertaan yang tidak lengkap dan penyertaan yang tiba lewat dari tarikh tutup.

---


**Untuk pertanyaan / keterangan lanjut, sila hubungi:**

**Urusetia**
**Pertandingan Video Kreatif Kesihatan Remaja 2016**

Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 7, Blok E10, Kompleks E, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Wilayah Persekutuan Putrajaya

| **Pn. Ervinna Marie Donny** | **Pn. Melor Bt. Selar** | **En. Mohd. Yazlie** |
|---|---|---|
| 03-8883 4106 | 03-8883 4379 | 03-8883 2812 |
| ervinna.m@moh.gov.my | melors@moh.gov.my | yazlie_aizat@moh.gov.my |


Untuk maklumat lanjut, sila layari:
www.infosihat.gov.my
www.myhealth.gov.my